

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA
MOHD IMRAN BIN ABD
HAMID (B)
(LUMUT)**

**TARIKH : 17.6.2014
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan status dan butiran terperinci perolehan sebanyak 257 APC untuk Tentera Darat Malaysia daripada DEFTECH Malaysia Sdn. Bhd. yang dilaporkan telah tertangguh dan menghadapi masalah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perolehan Kenderaan Perisai Anggota (APC) adalah bagi menggantikan kenderaan-kenderaan jenis A yang digunakan kini oleh Tentera Darat. Kerajaan telah mengeluarkan tawaran kepada syarikat DRB-HICOM Defence Technologies Sdn. Bhd. (DEFTECH) untuk membuat perolehan secara rundingan terus kenderaan perisai anggota (APC).

Kontrak Kerajaan bagi perolehan 257 buah AV-8X8 dengan syarikat DEFTECH telah diluluskan di dalam RMKe-10 dengan harga RM7.550 billion.

Terdapat 12 varian dan 257 buah kenderaan AV-8X8 yang akan dibekalkan. Pada fasa pertama 2 buah kenderaan prototaip akan disediakan dan 257 buah yang akan dihasilkan dalam masa 7 tahun adalah berdasarkan dari 2 kenderaan prototaip ini. Kenderaan-kenderaan APC ini akan diterima oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2018. Pada masa ini pembuatan kenderaan ini adalah mengikut jadual seperti yang dirancang.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN LIM GUAN ENG
KAWASAN : BAGAN
TARIKH : 17 JUN 2014, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kadar tol Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, mengapa Kerajaan Pusat enggan mengurangkannya kepada tahap kadar Jambatan Pertama, khususnya motosikal, dan juga enggan memberikan diskalon tol 20% bagi penghuni Pulau Pinang yang menggunakannya. Berapa banyak bayaran balik hutang setiap tahun.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar tol bagi semua jenis kenderaan di Jambatan Sultan Abdul Halim Muad'zam Shah, Pulau Pinang telah ditetapkan berdasarkan kepada perjanjian konsesi yang telah ditandatangani antara Kerajaan dan syarikat konsesi, iaitu Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB).

Penetapan kadar ini dibuat berdasarkan kepada faktor-faktor seperti kos pembinaan, kos operasi, unjuran trafik, tempoh konsesi dan tempoh pembayaran balik pinjaman oleh syarikat konsesi JKSB. Sehubungan itu kadar tol yang dikenakan di Jambatan Sultan Abdul Halim Muad'zam Shah ini adalah berpatutan dengan mengambil kira kos keseluruhan projek ini, iaitu sebanyak RM4.5 bilion dan panjang jarak jambatan keseluruhan, iaitu 24km berbanding jarak 13.5km sahaja di Jambatan Pulau Pinang .

Kadar tol yang dikenakan di Jambatan Sultan Abdul Halim Muad'zam Shah mengikut kelas kenderaan bagi tempoh 5 tahun pertama (1 April 2014 – 31 Mac 2019) ialah seperti berikut:

- Kelas 0 (motosikal) – RM1.70;
- Kelas 1 (kenderaan 2 gandar 3 atau 4 tayar, kecuali bas dan teksi) – RM8.50;
- Kelas 2 (kenderaan 2 gandar 6 tayar, kecuali bas) – RM30.50;

- Kelas 3 (kenderaan 3 gandar atau lebih, kecuali bas) – RM70.10;
- Kelas 4 (teksi) – RM8.50; dan
- Kelas 5 (bas) – RM26.20.

Mengenai cadangan pemberian diskau tol, Kerajaan setakat ini tidak berhasrat untuk memberikan kadar diskau sebanyak 20% kepada pengguna di Jambatan Sultan Abdul Halim Muad'zam Shah sebagaimana yang dinikmati oleh penduduk Pulau Pinang yang menggunakan kad Touch 'N Go di Jambatan Pulau Pinang. Manakala cadangan pengecualian tol kepada kenderaan Kelas 0 (motosikal) juga tidak dapat dilaksanakan kerana ia dikhuatiri akan menjadi 'precedent case' bagi jambatan bertol yang lain, seperti di Jambatan Pulau Pinang dan LINKEDUA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah dan tempoh pembayaran semula pinjaman bagi melaksanakan projek Jambatan Sultan Abdul Halim Muad'zam Shah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Sekian. Terima kasih.